



Headline: Pensyarah wanita menjadi mangsa 'Macau Scam'
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 9 November 2018

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Pensyarah wanita menjadi mangsa 'Macau Scam'

SIBU: Seorang pensyarah wanita di sini tidak terkecuali daripada menjadi mangsa 'Macau Scam' dengan kerugian dialami berjumlah RM3,350.

Pada Rabu lalu, mangsa, 32, dihubungi seorang wanita memperkenalkan diri sebagai wakil Mahkamah Melaka memaklumkan mangsa mempunyai hutang tertunggak pinjaman di sebuah bank berjumlah RM30,000.

Selepas itu, mangsa disambung kepada seorang anggota polis daripada IPK Melaka memaklumkan bahawa mangsa terlibat dengan pengubahan wang haram dan pendedaran dadah.

Apabila panik, anggota polis terbabit mengarahkan mangsa

memindahkan simpanan wang ke dalam dua akaun bank bagi tujuan penyiataan wang dengan alasan nama mangsa disyaki digunakan untuk kes jenayah.

Seperti diarah, mangsa membuat tiga transaksi pemindahan wang pada tarikh yang sama.

Namun, tindakan mangsa membuat semakan di laman Google agak terlewat setelah membaca artikel 'Scammer' mengenai panggilan tersebut dan keadaan mangsa sama dengan artikel tersebut.

Justeru, mangsa menyedari dirinya ditipu dan membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Stanley Jonathan Ringgit ketika dihubungi berkata suspek berjaya

memperdaya mangsa untuk menyerahkan wang bagi tujuan siasatan yang tidak wujud.

Dalam kes berlainan, seorang kerani wanita, 32, menanggung kerugian besar RM21,600 selepas menerima panggilan seorang lelaki menyamar sebagai pegawai bank Selasa lalu.

'Pegawai' itu memberitahu mangsa bahawa dia mempunyai tunggakan hutang sejumlah RM3,375.

Mangsa kemudian disambung kepada seorang anggota polis dikenali 'Sjn Chong' kononnya daripada IPD Terengganu memaklumkan dia terlibat dengan penyelewengan wang haram dan pendedaran dadah berjumlah RM14.4 juta.

Mangsa kemudian disambung kepada 'Insp Leong' mengarahkannya memindahkan wang simpanan berjumlah RM21,600 ke sebuah akaun bank bagi tujuan penyiataan dengan alasan nama mangsa digunakan untuk kes jenayah.

Seperti diarah, mangsa melakukan empat transaksi pemindahan wang pada hari yang sama.

Mangsa hanya tersedar dirinya diperdayakan apabila memberitahu abangnya mengenai panggilan tersebut.

Mereka kemudian membuat laporan polis.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.